SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 2 Bab 4 Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >


nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 4 : AGAMA, KEPERCAYAAN DAN KEUNIKAN WARISAN MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU

TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	TAJUK : Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu	SK : Warisan Kerajaan Alam Melayu	SP: 5.2.4 Menerangkan agama dan kepercayaan masyarakat kerajaan Alam Melayu.

1 Rajah berikut berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Alam Melayu.



(Buku teks m.s 56)

(a) **Apakah** maksud kepercayaan?

……

(1 *markah*)

(b) **Apakah** perbezaan antara animisme dan dinamisme?

(i) Animisme

……..

……..

(2 *markah*)

(ii) Dinamisme

……..

……..

(2 *markah*)

(*c*) **Berikan dua** contoh perayaan masyarakat Alam Melayu yang berdasarkan kepercayaan tersebut.

(i) ……..

(ii) ……..

(2 *markah*)

(d) Pada pendapat anda, **mengapakah** kepercayaan tersebut masih menjadi pegangan dalam kalangan masyarakat kini?

……..

……..

……..

(3 *markah*)

BAB 4:AGAMA, KEPERCAYAAN DAN KEUNIKAN WARISAN MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU

BAHAGIAN A

1. Masyarakat kerajaan Alam Melayu mengamalkan kepercayaan animisme dan dinamisme.

   Apakah yang mempengaruhi kepercayaan tersebut?

   A Alam sekeliling

B Amalan pemerintah

C Aktiviti kekeluargaan

D Lokasi tempat tinggal

2. Apakah agama dan kepercayaan yang mempunyai kaitan dengan pernyataan berikut?

Hyang

A Animisme

B Dinamisme

C Hinduisme

D Buddhisme

3 Apakah faktor yang menyebabkan agama Buddha, Hindu dan Islam tersebar ke Alam Melayu?

I Politik

II Peranan mubaligh

III Perdagangan antarabangsa

IV Peranan golongan intelektual

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

4. Agama berikut disebarkan dalam kalangan masyarakat tempatan di negara kita.

Agama Islam

Penyebaran tersebut bermula pada

A Abad kelima

B Abad keenam

C Abad ketujuh

D Abad kelapan

5. Apakah agama terawal yang dianuti oleh masyarakat kerajaan Angkor?

A Islam

B Hindu

C Buddha

D Animisme

7. Agama Islam mula tersebar dalam kerajaan Champa pada abad ke-14. Siapakah pemerintah yang terlibat dalam penyebaran tersebut?

A Sultan Abu Abdullah

B Sultan Zainal Abidin

C Sultan al-Malik Shah

D Sultan Mansur Shah

8. Masyarakat Gangga Nagara dikatakan menganut agama Buddha. Antara berikut, apakah penemuan yang membuktikan pernyataan di atas?

I Candi Go Cay Thi

II Candi Dong Huong

III Avalokitesvara di Bidor, Perak

IV Arca Buddha di Lembah Kinta

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

9. Kerajaan Srivijaya telah mengadakan hubungan persahabatan dengan kerajaan China pada abad ketujuh.

Apakah bukti pernyataan tersebut?

A Mengirim utusan persahabatan

B Melakukan perkahwinan diraja

C Menghantar bantuan ketenteraan

D Memperkukuhkan sistem pertahanan

10. Maklumat di bawah berkaitan keunikan warisan masyarakat kerajaan Alam Melayu.

Kerajaan Alam Melayu ini membolehkan kaum wanita keturunan diraja untuk memerintah.

Apakah kerajaan Alam Melayu yang dimaksudkan?

A Gangga Nagara

B Majapahit

C Srivijaya

D Funan

11. Apakah manfaat hubungan diplomatik kepada kerajaan Alam Melayu?

I Meningkatkan ekonomi kerajaan

II Memelihara kedaulatan kerajaan

III Mendapatkan perlindungan

IV Mengukuhkan persahabatan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

12. Kerajaan Srivijaya menghadapi masalah pemberontakan pada abad ke-11. Bagaimanakah pemberontakan tersebut dapat diselesaikan ?

A Menghantar ufti kepada China

B Menyerahkan tanah kepada China

C Bantuan ketenteraan daripada kerajaan Chola

D Perkahwinan dengan puteri kerajaan Singhasari

CADANGAN JAWAPAN

1.	A	11.	C
2.	A	12.	C
3.	C	13.	D
4.	C	14.	A
5.	B	15.	D
6.	D	16.	B

Panduan penskoran – Struktur

No. Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN B (STRUKTUR)	
1 (a)	**Apakah** maksud kepercayaan?	
	F1 Pegangan yang diyakini	**1**
	F2 Dapat menjadi panduan dalam kehidupan	**1**
	Maks	**(1 Markah)**
1 (b)	**Apakah** perbezaan antara animisme dan dinamisme?	
	(i) Animisme	
	F1 Kepercayaan bahawa setiap hidupan, makhluk dan tumbuhan memiliki roh atau semangat.	**1** **1**
	F2 Berkaitan dengan kepercayaan terhadap makhluk halus	**1**
	F3 Melakukan penyembahan kepada roh nenek moyang/*hyang*	
	F4 Tujuan penyembahan roh nenek moyang penting agar keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan	**1** **1**
	F5 *Mana* boleh mempengaruhi kehidupan seseorang	**(2 Markah)**
	Maks	
	(ii) Dinamisme	
	F1 Kepercayaan terhadap kekuatan	**1** **1**
	F2 Dipanggil sebagai *mana* atau semangat	
	F3 Kepercayaan bahawa setiap benda dan makhluk dianggap mempunyai mana	**1** **1**
	F4 Mana boleh mempengaruhi kehidupan seseorang.	**(2 Markah)**
	Maks	
1 (c)	**Berikan dua** contoh perayaan masyarakat Alam Melayu yang berdasarkan kepercayaan tersebut.	
	F1 Perayaan Hari Moyang	**1** **1**
	F2 Perayaan Tadau Kaamatan	**1**
	F3 Upacara Jiis Breeg	**1**
	F4 Perayaan Hari Gawai	**(2 Markah)**
	(Mana-mana munasabah) **Maks**	
1 (d)	Pada pendapat anda, **mengapakah** kepercayaan tersebut masih menjadi pegangan dalam kalangan masyarakat kini?	
	F1 Berkait rapat dengan alam sekeliling	**1**
	F2 Mempercayai setiap kehidupan dikaitkan dengan semangat dan roh	**1**
	F3 Mengadakan hubungan baik dengan roh-roh	**1**
	F4 Menghindari gangguan roh-roh jahat	**1**
	F5 Mengelakkan musibah daripada gangguan roh/*mana*	**1**
	F6 Memastikan keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan	**1**
	F7 Menghindar kesusahan di dunia	**1**
	F8 Mengelakkan ditimpa penyakit	**1**
	F9 Mendapat hasil tanaman yang subur	**1**
	F10 Mendapatkan hasil tanaman yang banyak	**1**
	(Mana-mana munasabah) **Maks**	**(3 Markah)**
	Jumlah	**10 Markah**

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar